

MAHATHIR - GERAKAN

1982

KUALA LUMPUR, 25 SEPT. (BERNAMA)-- DATUK SERI DATUK MAHATHIR MOHAMAD MENGINGATKAN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL SUPAYA JANGAN CUMA MEMENTINGKAN PERSPEKTIF PARTI SENDIRI SAHAJA, TANPA MEMBUAT PERHITUNGAN DALAM KONTEKS BARISAN NASIONAL KESE-LURUHANNYA.

PERDANA MENTERI YANG BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWA-KILAN TAHUNAN PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA DI SINI HARI INI, BERKATA KEKUATAN BARISAN NASIONAL TERLETAK KEPADA PENERIMAAN PARTI-PARTI KOMPONEN TERHADAP PENTINGNYA KEDUA-DUA PERSPEKTIF TERSEBUT.

BELIAU MENINGATKAN BAHAWA KEMENANGAN BARISAN NASIONAL DALAM PILIHANRAYA UMUM YANG LALU ADALAH HASIL SUMBANGAN SEMUA PARTI KOMPONEN.

+OLEH ITU KEDUA-DUA PERSPEKTIF -- PERSPEKTIF PARTI DAN PERSPEKTIF KESELURUHAN BARISAN NASIONAL -- ADALAH AMAT PENTING BAGI MENJAGA KEUTUHAN KITA,+ TEGAS BELIAU. -- LAGI 1219/AH

MAHATHIR - GERAKAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA LANGKAH MEMENTINGKAN PERSPEKTIF SESUATU PARTI SAHAJA AKAN MENJEJAS PERSEFAHAMAN DAN KETERTIBAN PERJALANAN BARISAN NASIONAL SEBAGAI SEBUAH GABUNGAN PARTI-PARTI POLITIK YANG MENDUKUNG KERAJAAN.

BELIAU JUGA BERKATA BAHAWA SEISTEM DEMOKRASI YANG SEDANG DIPRAKTIKAN DI NEGARA INI ADALAH UNIK DAN DEMIKIAN JUGA DENGAN SISTEM DEMOKRASI DI NEGARA-NEGARA LIBERAL YANG LAIN.

+TIAP-TIAP SATUNYA ADALAH UNIK BAGI SESUATU NEGARA TERTENTU. SEBAB INI KERAJAAN TIDAK GENTAR WALAUPUN PERSEPSI DEMOKRASI DI SINI DIKECAM OLEH SETENGAH-SETENGAH PIHAK YANG MENGANGKAT DIRI MEREKA SEBAGAI PENTAFSIR DEMOKRASI,+ 1TEGASNYA.

BELIAU BERKATA +KITA SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA TIDAK HARUS CURIGA DENGAN ANJURAN KONONNYA DEMOKRASI KITA BUKAN DEMIKRASI,+ LAGI 1250/AH

B525

MAHATHIR - GERAKAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGINGATKAN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL BAHAWA +POLITIK ADALAH ALAT DAN BUKANNYA MAT-LAMAT KITA.+

+MENGANGGAP POLITIK SEBAGAI MATLAMAT BOLEH MENGABURKAN MATA KITA TENTANG MATLAMAT-MATLAMAT SEBENAR KITA, IAITU KEBAHAGIAN, KESTABILAN, KEHARMONIAN DAN SEBAGAINYA YANG HARUS DINIKMATI OLEH RAKYAT SEBUAH NEGARA YANG MERDEKA, BERDAULAT DAN MAJU,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENYENTUH SOAL-SOAL KEADAAN EKONOMI DAN POLITIK DI PERINGKAT ANTARABANGSA BERHARAP BAHAWA EKONOMI DUNIA AKAN BERANSUR-ANSUR PULIH MENJELANG PERTENGAHAN TAHUN DEPAN.

BELIAU JUGA BERHARAP BAHAWA SESUATU ASAS PENYELESAIAN YANG ADIL AKAN TERCAPAI DI ASIA BARAT DAN KEADAAN DI WILAYAH ASIA TENGGARA AKAN KEMBALI STABIL DENGAN PENYELESAIAN MASALAH KAMPUCHEA. -- LAGI 1254/AH

MAHATHIR - GERAKAN 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BIMBANG SUASANA EKONOMI DAN POLITIK YANG TIDAK STABIL AKAN MEMBAWA MASALAH EKONOMI, POLITIK DAN SOSIAL YANG LEBIH KOMPLEKS DAN BERPANJANGAN.

KEADAAN TERSEBUT MEMERLUKAN TINDAKAN YANG BETUL-BETUL TEGAS DAN BERANI OLEH SEMUA PIHAK TERUTAMA SEKALI OLEH NEGARA-NEGARA MAJU DAN NEGARA-NEGARA BESAR, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG BERLEPAS KE NEW YORK MALAM INI UNTUK MENGHADIRI PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU BERKATA KERJASAMA MALAYSIA DENGAN NEGARA-NEGARA RAKAN DI DALAM FORUM-FORUM ANTARABANGSA BOLEH MEMBUKTIKAN TAHAP KEBIMBANGAN DAN KEJUJURAN NEGARA INI UNTUK MEMBANTU Mencari PENYELESAIAN KEPADA MASALAH BERSAMA. -- BERNAMA 1300/AH